

08 SEP 2000

Isa-Awam

KAKITANGAN AWAM DIINGAT SUPAYA LEBIH CEKAP

SEREMBAN, 8 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mengingatkan kakitangan awam supaya lebih cekap di dalam melaksanakan tugas mereka ke arah memajukan lagi negeri ini.

"Kalau kita tidak mempunyai pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang cekap, sukar bagi kita untuk memajukan negeri ini terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi," katanya kepada pemberita selepas majlis bersama kakitangan awam di sini.

Mohamed Isa berkata peningkatan kualiti perkhidmatan awam mesti dibuat secara bersungguh-sungguh kerana perkhidmatan awam merupakan antara institusi yang terpenting dalam pembangunan negara.

"Jika terdapat teguran daripada pihak media dan sebagainya ini bukan bermakna ia sengaja dibuat bagi menimbulkan isu tetapi kita anggaplah teguran itu sebagai teguran bagi memperbaiki sistem kita.

"Kita mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki perkhidmatan ini supaya jangan timbul rasa tidak puas hati di kalangan rakyat," katanya.

Pada majlis itu Mohamed Isa memberi penjelasan mengenai soal semasa, dasar kerajaan serta peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam negeri ini.

Sementara itu, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri majlis sesi bersama peserta pada kursus Bina Negara Perdana di Kem Bina Negara, Ulu Sepri, Rembau dekat sini Selasa ini.

Mohamed Isa berkata majlis itu dijadual berlangsung dari pukul 8.30 pagi hingga 1 tengah hari.

-- BERNAMA

RP AKD